

31/01/1999

Masalah dengan Singapura boleh selesai

DAVOS: Malaysia yakin sebarang masalah yang kini masih wujud dengan Singapura, dapat diselesaikan menerusi persefahaman dan usaha bersama, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, keyakinan itu dibuat bersandarkan hakikat bahawa penyelesaian terhadap sebarang masalah yang wujud ada akan membawa kebaikan kepada kedua-dua pihak.

Ditanya mengenai butiran perbincangan tertutupnya dengan Menteri Kanan Singapura, Lee Kuan Yew, di sini semalam, Dr Mahathir berkata ia tidak menyentuh isu berkenaan.

"Sebenarnya, ia adalah lebih kepada pertemuan antara dua kawan lama dan kami bercakap mengenai pelbagai perkara membabitkan kepentingan bersama, perkembangan di Malaysia dan serantau serta banyak lagi."

"Kami tidak berbincang mengenai perkara yang dikatakan 'masalah' di antara Malaysia dan Singapura itu kerana yakin ia dapat diselesaikan menerusi usaha bersama," ujarnya.

Perdana Menteri ditanya demikian ketika sesi soal jawab selepas menyampaikan ucapan di jamuan tengah hari yang diadakan sebagai sebahagian daripada program Forum Ekonomi Dunia (WEF).

Beliau dan Lee yakin bahawa penyelesaian segera berhubung isu dua hala di antara Malaysia dan Singapura itu akan memberi pelbagai kebaikan kepada kedua-dua pihak.

"Atas keyakinan bahawa sebarang penyelesaian akan membawa kebaikan kepada kedua-dua Singapura dan Malaysia, saya tidak membincangkan mengenainya dengan Menteri Kanan di sini," katanya.

Antara isu yang dikatakan menjadi 'masalah' dalam hubungan Malaysia-Singapura ialah pemansuhan dagangan saham syarikat Malaysia yang dikendalikan secara atas kaunter (OTC) di Central Limit Order Book (Clob) pada 15 September lalu.

Isu lain ialah yang membabitkan hak dan operasi Kompleks Imigresen dan Kastam (KIK) milik Malaysia di Tanjung Pagar, Singapura serta projek pembinaan sebuah jambatan menggantikan Tambak Johor yang sedia ada.

Turut dikatakan menjadi isu ialah perjanjian bekalan air di antara Malaysia dan Singapura yang ditimbulkan sejak hampir setahun lalu tetapi masih belum ada kepastian.

Bagaimanapun, persefahaman di antara kedua-dua pemimpin itu ketara di WEF kali ini terutama ketika bercakap dalam sidang pleno berkaitan isu peranan dagangan mata wang terhadap kegawatan ekonomi.

(END)